



PEMBINAAN terowong dalam projek MRT mampu menjimatkan ruang dan mengurangkan kesesakan jalan raya di ibu negara. - UTUSAN/MOHD. NAJIB MOHD. NOR

Mampu tingkat penggunaan pengangkutan awam MRT siap 61 peratus

Oleh **MOHD. FAUZI MOHAMAD SUHAIMI**

kota@utusangroup.com.my

■ KUALA LUMPUR 21 APRIL

PEMBINAAN projek Transit Aliran Massa (MRT) Sungai Buloh-Kajang dijangka meningkatkan penggunaan pengangkutan awam dalam kalangan orang ramai di ibu negara.

Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Ahmad Phesal Talib berkata, projek itu juga akan membawa banyak manfaat termasuk mengurangkan kos hidup serta kesesakan lalu lintas.

Menurutnya, projek tersebut menjimatkan ruang ekoran kebanyakan laluan di ibu negara dibina di bawah tanah.

"Penyediaan kemudahan awam yang baik seperti MRT antara faktor yang akan menjadikan sesebuah negara itu berdaya saing dan maju seiring dengan perkembangan teknologi," katanya dalam sidang akhbar di sini hari ini.

Terdahulu Ahmad Phesal meluangkan masa kira-kira dua jam bagi meninjau perjalanan kerja-kerja pembinaan terowong serta menandatangani plak Stesen MRT Pasar Seni.

Yang hadir sama Ketua Pegawai Eksekutif Mass Rapid Transit Corporation Sdn. Bhd. (MRT Corp.), Datuk Seri Shahril Mokhtar; Pengarah MMC-Gamuda KVMRT (PDP) Sdn. Bhd., Datuk Goon Heng Wah dan Pengarah Projek MRT



AHMAD PHEMAL TALIB (tengah) dan **Shahril Mokhtar** (dua dari kanan) menunjukkan isyarat bagus selepas menandatangani plak Stesen MRT Pasar Seni di Kuala Lumpur semalam.

Sungai Buloh-Kajang MRT Corp., Marcus Karakashian.

Dalam pada itu, Shahril memberitahu, projek itu telah mencapai kemajuan sebanyak 61.2 peratus sehingga bulan ini.

"Kerja-kerja pembinaan terowong pula telah siap sepenuhnya membabitkan kerja-kerja bawah tanah termasuk pembinaan stesen mencapai kemajuan 76 peratus dan melebihi jangkauan awal iaitu 74 peratus," katanya.

Ujarnya, kerja pembinaan MRT dari Sungai Buloh ke Jalan Semantan dijangka siap penghujung tahun depan manakala kerja pembi-

naan dari Jalan Semantan ke Kajang pula pada Julai 2017.

Dalam perkembangan sama, beliau berkata, pembinaan MRT fasa kedua membabitkan laluan Sungai Buloh ke Serdang-Putrajaya dijangka bermula pada suku pertama tahun depan.

"Kita akan mengadakan paparan awam projek itu selama tiga bulan bermula pertengahan bulan depan di 15 buah lokasi.

"Kita yakin mendapat kelulusan daripada Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat beberapa bulan selepas pameran awam diadakan," ujarnya.